

# Pasport: Najib mohon pinda tarikh

Uthm-23/10/2021 wji:6

**KUALA LUMPUR:** Bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menengguhkan perjalanannya ke Singapura bagi menemani anak perempuannya, Nooryana Najwa yang dijadual bersalin awal November ini kerana mahu membantu jentera parti menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka

Ini kerana Ahli Parlimen Pekan itu perlu 'menggantikan' Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam kempen PRN tersebut. Ahmad Zahid akan ke Munich, Jerman bagi mendapatkan rawatan sakit belakang dan lehernya.

Justeru, bekas Presiden UMNO itu berdasarkan notis usul dan affidavit sokongan yang difailkan kelmarin, memohon agar mahkamah meminda tarikh penyerahan semula pasportnya kepada mahkamah dari 22 November kepada 6 Disember ini.

Pasport tersebut telah berada dalam simpanan Najib sejak 20 Oktober lalu bagi tujuan pembaharuan selepas Mahkamah Rayuan, pada Isnin lalu, membenarkan permohonan beliau mendapatkan sementara pasportnya.

Sementara itu, Timbalan Pendakwa Raya, Mohd. Ashrof Adrin Kamarul memberitahu mahkamah, beliau perlu mendapatkan arahan lanjut daripada Peguam Negara berhubung pindaan tersebut.

Hakim Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Mohamed Zaini Maz-



**NAJIB Razak hadir prosiding kebenaran memohon pasportnya di Kompleks Mahkamah Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/AMIR KHALID**

lan kemudian menengguhkan pendengaran permohonan pindaan itu kepada 26 Oktober ini.

Menurut affidavit sokongan Najib, perancangannya untuk bertolak ke Singapura berubah apabila beliau hanya akan ke Singapura pada 21 November ini dan pulang ke tanah air pada 5 Disember ini atau lebih awal daripada tarikh berkenaan.

Tarikh asal beliau ke Singapura ialah pada 3 November dan akan pulang ke Malaysia pada 20 November ini. Pasport kemudian perlu diserahkan semula ke

mahkamah pada 22 November.

"Walaupun perancangan terpaksa diubah, alasan kepada permohonan pelepasan sementara pasport antarabangsa saya masih kekal sama.

"Dalam masa yang sama harus menjalankan tanggungjawab saya di Malaysia, saya meletakkan kepercayaan kepada isteri saya, Datin Seri Rosmah Mansor yang akan bertolak ke Singapura terlebih dahulu untuk mengawasi keadaan Nooryana sementara saya masih di Malaysia," katanya.